



SIARAN AKHBAR

S.A. 2019/10/67 (HQ)

TNB AMBIL TINDAKAN SECEPAT MUNGKIN

Tenaga Nasional Berhad (TNB) akan memagar terus kawasan perumahan setinggan di dalam kawasan izinlalu talian penghantarannya di Pandan Jaya, Selangor yang beberapa kali mengalami kejadian kebakaran, seperti dimaklumkan Timbalan Perdana Menteri semalam.

Ia akan dilaksanakan bersama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), Pejabat Tanah Daerah (PTD) Hulu Langat, Selangor dan pihak berkuasa yang berkenaan setelah penduduk setinggan dipindahkan bagi memastikan pembinaan rumah setinggan yang baharu tidak berlaku, kata Chief Grid Officer TNB, Datuk Ir. Husaini Husin.

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang juga Ahli Parlimen Pandan semalam meminta TNB segera memagar kawasan tersebut bagi memastikan penempatan setinggan tidak diwujudkan semula.

“Perkara ini sememangnya dalam perhatian kami dan telah pun dibincangkan bersama EXCO Infrastruktur, Kemudahan Awam, Pemodelan Pertanian & Industri Asas Tani Negeri Selangor, YB Tuan Ir Izham Hashim, pihak DBKL, PTD, MPAJ dan beberapa agensi lain sebelum ini,” kata Ir. Husaini.

Kawasan setinggan yang telah wujud sejak tahun 1970-an di bawah rentis TNB itu telah terbakar beberapa kali dengan yang terbaharu pada 17 Jun 2019.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 14 Oktober 2019, jam 11.00 pagi

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Norfadzilah Shaary di talian 019-3369681 / Grace Tan di talian 016-6626229 / Muhammad Nasiruddin Aziz di talian 018-9434524 atau emel ke media@tnb.com.my